

Pinjaman perumahan penjawat awam kekal

» *Laporan henti pembiayaan tak berasas, kerajaan berusaha tambah baik urusan*

► Kuala Lumpur

Kerajaan tidak akan menghentikan pinjaman perumahan yang disediakan kepada semua penjawat awam.

Dakwaan pemberhentian pinjaman terbabit seperti dilaporkan sebuah stesen televisyen dalam talian baru-baru ini, adalah tidak berasas.

Laporan televisyen terbabit menyebut bahawa kerajaan akan berbuat demikian, bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Kenyataan tanpa pengesahan
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

an, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata pihaknya amat kesal dengan laporan berkenaan.

“Kementerian Kewangan amat kesal atas kenyataan berkenaan, yang disiarkan tanpa pengesahan terlebih dahulu,” katanya.

Tambah baik pembiayaan

Irwan Serigar berkata, kerajaan sebaliknya akan berusaha menambah baik urusan pembiayaan pinjaman perumahan untuk penjawat awam.

“Untuk itu, kerajaan menubuhkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di bawah Kementerian Kewangan bagi menguruskan semua perkara berkaitan pinjaman perumahan penjawat awam.

“LPPSA akan memastikan pinjaman perumahan dibuat secara lebih berkesan dengan mengekalkan segala terma dan kemudahan sedia ada,” katanya.

BERNAMA



“
LPPSA akan memastikan pinjaman perumahan dibuat secara lebih berkesan dengan mengekalkan segala terma dan kemudahan sedia ada”

Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Ketua Setiausaha
Perbendaharaan